

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

JKE 318 – Perdagangan Antarabangsa

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan dalam ruang yang disediakan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Soalan 1 (16 markah)

Andaikan dunia dua input, buruh dan modal; dua komoditi, X dan Y; dan dua negara, A dan B. Negara A sebuah negara kaya buruh. Terangkan dengan bantuan graf yang:

- (a) negara ini akan menghadapi kerugian jika ia mengalami pertumbuhan dimana input buruh meningkat sahaja.
- (b) jika negara tersebut mengalami pertumbuhan input modal, ia akan dapat menikmati faedah.

Angka Giliran: _____

[JKE 318]

- 3 -

Angka Giliran: _____

[JKE 318]


- 4 -

Soalan 2 (9 markah)

Apakah yang anda faham mengenai pertumbuhan songsang (*immiserizing growth*)?

Soalan 3 (18 markah)

Rajah di bawah menunjukkan pasaran beras di sebuah negara kecil. Pengeluar domestik telah diberikan subsidi pengeluaran pada kadar wb /unit.



- (a) Wujudkah kesan penggunaan hasil daripada pemberian subsidi ini? Terangkan.

(2 markah)

- (b) Apakah kesan pemberian subsidi terhadap import beras negara ini? Terangkan.

(3 markah)

- (c) Apakah kesan ke atas tingkat pengeluaran dan jumlah import jika subsidi ini dihapuskan? Terangkan.

(3 markah)

- (d) Di dalam rajah yang sama tandakan kadar tarif import yang harus dikenakan supaya ia memberi kesan ke atas jumlah import yang sama dengan kesan daripada subsidi pengeluaran sebanyak wb/unit.

(5 markah)

- (e) Polisi manakah lebih effisen jika objektif kerajaan ialah untuk mengawal jumlah import beras? Bincangkan.

(5 markah)

Soalan 4 (15 markah)


Untuk mengawal kemasukan import, dua polisi perdagangan yang sering digunakan adalah tarif import dan kuota import.

- (a) Tunjukkan serta terangkan dengan gambarajah kesan ke atas pengeluaran, penggunaan dan harga domestik yang sama apabila tarif import dan kuota import digunakan.
- (b) Apakah perbezaan utama antara kedua-dua polisi tersebut.

Soalan 5 (12 markah)

Rajah yang berikut menunjukkan pasaran komputer di sebuah negara kecil. Kerajaan negara ini telah memberi subsidi eksport komputer pada kadar TC seunit.

- (a) Apakah kehilangan terhadap ekonomi kesan daripada subsidi tersebut?
(7 markah)
- (b) Pihak manakah yang akan menikmati keuntungan jika subsidi eksport ini dihapuskan? Terangkan.
(5 markah)



Angka Giliran: _____

[JKE 318]

- 9 -

Soalan 6 (15 markah)

- (a) Bincangkan dengan bantuan rajah apa yang dimaksudkan dengan ciptaan dan lencongan dagangan hasil daripada penubuhan kesatuan kastam.
(10 markah)

- (b) Adakah penubuhan kesatuan kastam sentiasa menguntungkan ahli-ahlinya?
(5 markah)

Soalan 7 (15 markah)

Sejak kerajaan Malaysia memperkenalkan kereta nasional Proton dalam tahun 1980an, tarif import kereta telah meningkat dengan banyak.

- (a) Terangkan dengan menggunakan teori dan konsep yang anda telah pelajari dalam JKE318:

(i) Kenapakah kerajaan Malaysia berbuat demikian? (3 markah)

(ii) Adakah kesemua pihak dalam ekonomi mendapat faedah daripada polisi tersebut? (6 markah)

Angka Giliran: _____

[JKE 318]

- 11 -

- (b) Pada pendapat anda, haruskah kerajaan terus mengamalkan polisi tersebut?
Terangkan.

(6 markah)